

DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

DI MELAKA TENGAH

DALAM NEGERI MELAKA, MALAYSIA

KES MAL BIL: 04100-044-0334-2009

ANTARA

XXXXXX

...PEMOHON

DAN

XXXXXX

... RESPONDEN

*Undang-Undang Mahkamah Syariah- Pengesahan Hibbah - Seksyen 245(2)
Enakmen Tatacara Mal (Negeri Melaka) 2002- -Seksyen 340 Kanun Tanah
Negara-Ketidakbolehsangkalan Hakmilik- Rukun-rukun Hibbah-Qabad*

FAKTA KES

1. Di dalam kes ini, Pemohon telah menuntut daripada Mahkamah Yang Mulia ini berkenaan pensabitan hibbah sebanyak $\frac{1}{2}$ bahagian ke atas tanah yang dikenali sebagai GMM 811 Lot 189 111 Mukim Pegoh Daerah Alor Gajah (selepas ini dirujuk sebagai “tanah tersebut”).
2. Tanah tersebut adalah milik XXXXXX (selepas ini dirujuk sebagai “XXXXXX”) yang mana adalah ibu kandung kepada Responden. Tanah tersebut telah didaftarkan ke atas nama

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Responden sebanyak 1/1 bahagian melalui bicara kuasa yang telah diadakan di pejabat tanah Alor Gajah.

3. Pemohon telah mendakwa bahawa XXXXXX telah berniat untuk menghibah $\frac{1}{2}$ bahagian tanah tersebut kepada Pemohon dan XXXXXX juga telah menandatangani Borang 14A yang bertarikh 13.12.1983 iaitu borang pindahmilik di mana XXXXXX telah menurunkan cop jarinya dengan menyatakan hasrat memindahmilik dengan tiada apa-apa balasan daripada Pemohon. Namun Mahkamah mendapati borang tersebut tidak didaftarkan atau *presentation* di Pejabat Tanah Alor Gajah untuk mengefektakan pindahmilik tersebut.
4. Responden menafikan dakwaan tersebut dan tidak tahu menahu berkenaan dengan kewujudan Borang 14A tersebut dan menyatakan bahawa tiada hibbah berlaku antara XXXXXX dengan Pemohon.
5. Di dalam kes ini Pemohon dan Responden telah memberikan keterangan dan masing-masing telah mengemukakan saksi-saksi seperti berikut:-

Pemohon

- i) SP1- XXXXXX
- ii) SP2- XXXXXX (suami Pemohon)
- iii) SP3- XXXXXX
- iv) SP4- XXXXXX

Responden

- i) SD1- XXXXXX
- ii) SD2- XXXXXX
- iii) SD3- XXXXXX

6. Mahkamah juga merujuk kepada dokumen-dokumen berikut:-

- a) Notis Permohonan bertarikh 17.7.2009;
- b) Afidavit yang diikrarkan oleh XXXXXX pada 6.7.2009;
- c) Afidavit Jawapan Responden yang diikrarkan oleh XXXXXX pada 7.10.2009;
- d) Afidavit Balasan Pemohon yang diikrarkan oleh XXXXXX pada 29.10.2011
- e) Hujahan Bertulis Pemohon bertarikh 1.11.2011;
- f) Hujahan Responden bertarikh 24.10.2011.

Peguam Syarie

Plaintif : Puan Liza daripada Tetuan Liza Manita & Co

Defendan : En. Adli Bin Ithnin daripada Tetuan Adli & Co.

Kitab-Kitab Yang Dirujuk

- 1. Kitab al-fiqh al-Islami wa Adillatuhu Jld4, oleh Dr Wahbah al-Zuhaili hlmn 69
- 2. Kitab tanqih al-fatawa al-Hamidiyah di bawah tajuk kitab al-Da'wa Al-Alim al-Allamah Al-Sayed Mohamad Amin Bin Omar Abd Aziz bin Ahmad Bin Abd Rahim
- 3. Kitab Al-Iqna' Jil 2, hlmn 171
- 4. Kitab Fiqh Islami wa Adillatuhu Jilid 5 Cetakan Ketiga 1989, Dar Fikr Beirut, Lubnan oleh Dr. Wahbah al Zuhaily dalam mukasurat 8
- 5. Kitab عقد البيع في الفقه الإسلامي di muka surat 79
- 6. Kitab " عقد البيع في الفقه الإسلامي " oleh Dr.Syaiyyid Ahmad A'mir Mukasurat 195
- 7. Kitab " al-Feqh al-Manhaji " jilid 3 hlm 16

8. Kitab al- Buyuu' al-Syarii'ah (البيوع الشائعة) karangan Dr.Taufiq Ramadhan al-Butty , halaman 75
9. Kitab Nizam al-Fial-Syariah al-Islamiah oleh Du Abdul Karim Zaidan cetakan ketiga tahun 1418/1997M, Beirut. Muka surat 93 hingga 95

Undang-Undang Yang Dirujuk

1. **Seksyen 245(2) Enakmen Tatacara Mal (Negeri Melaka) 2002**
2. **Arahan Amalan No. 2 tahun 2008**
3. **Seksyen 3, Seksyen 4, Seksyen 6, Seksyen 73, Seksyen 74 dan Seksyen 82 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002**
4. **Seksyen 340 Kanun Tanah Negara**

Kes-Kes Yang Dirujuk

1. Kerajaan Negeri Terengganu lwn XXXXXX JH Jld24 Bhg 2 muka surat 251
2. XXXXXX dan 7 Orang lain lwn XXXXXX dan Seorang lain [2006] 22(ii) JH 207,
3. XXXXXX lwn XXXXXX dan 4 yang lain (2006) JH xx1/11, muka surat 158-177
4. XXXXXX lwn XXXXXX (1997) XI (II) JH muka surat 219.
5. XXXXXX –Lwn- XXXXXX JH (2001) 14/1 (79)
6. XXXXXX –Lwn- XXXXXX (2004) JH
7. XXXXXX Dan Seorang Lagi –Lwn- Kerajaan Pahang [1987] 2 Mlj 74
8. XXXXXX lwn XXXXXX dan 3 yang lain JH 1430 muka surat 235 ,

Alasan Penghakiman Oleh Y.A.A Datuk Mahammad bin Ibrahim

Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka

Isu utama yang perlu dibahaskan dan diperjelaskan dalam kes ini ialah adakah benar XXXXXX ingin menghibahkan tanah tersebut kepada Pemohon sepertimana yang terkandung dalam Borang 14A. Peguamcara Pemohon telah menghujahkan secara umum tentang syarat-syarat sah hibbah menurut hukum syarak. Manakala peguamcara Responden banyak membangkitkan dan menyentuh berkenaan konsep gadai janji dan ketakboleh sangkalan hak milik(*indefeasibility of title*) kerana tanah yang dipertikaikan tersebut telah menjadi hak mutlak Responden melalui bicara kuasa di pejabat tanah.

Di samping isu utama Mahkamah berpendapat bahawa terdapat beberapa isu yang tidak kurang penting untuk dihuraikan secara terperinci. Ianya adalah penentu kepada isu utama di atas. Isu ini adalah berkaitan rapat di antara satu sama lain. Isu-isu tersebut adalah seperti berikut:-

- a) Adakah had masa (*limitation period*) terpakai dalam kes ini;
- b) Samaada Pemohon telah membuktikan berlakunya transaksi hibbah; dan
- c) Samaada wujudnya qarinah atau hal keadaan mengenai perlakuan hibbah.

ISU PERTAMA

ADAKAH HAD MASA (LIMITATION PERIOD) TERPAKAI DALAM KES INI.

- Pemohon dan XXXXXX telah menandatangani dokumen Borang 14 A pada 13.12.1983. Namun Pemohon hanya memfailkan tindakan untuk pengesahan hibbah pada

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

17.7.2009. Pemohon telah mengambil masa terlalu lama sehingga hampir 26 tahun untuk memfailkan tindakan untuk mengesahkan hibbah melalui Borang 14A tersebut.

- Persoalan timbul di sini adakah 26 tahun dikira sebagai berlalunya masa yang terlalu lama untuk menidakkan hak Pemohon.
- Saksi-saksi Responden iaitu XXXXXX dan XXXXXX di dalam keterangannya mempertikaikan tentang tempoh masa Pemohon membuat tuntutan hibbah ini. Mereka mempertikaikan kenapa baru sekarang Pemohon ingin menuntut hibbah tersebut sedangkan sejak tahun 1983 hingga XXXXXX meninggal dunia pada tahun 2004, Pemohon mempunyai masa yang panjang untuk memastikan $\frac{1}{2}$ bahagian tanah yang kononnya ingin diberikan oleh XXXXXX dapat dipindahmilik kepadanya. Sejak menandatangani dokumen tersebut, Pemohon telah tidak cuba untuk mengefektifkan pindahmilik tanah tersebut.
- Jika dikira sejak tahun 1983 sehingga XXXXXX meninggal dunia pada tahun 2003, Pemohon mempunyai tempoh masa selama hampir 20 tahun dan 20 tahun adalah tempoh yang agak panjang untuk memberi ruang dan peluang kepada Pemohon untuk memastikan tanah tersebut dipindahmilik kepadanya. Pemohon ada mengatakan proses pindahmilik telah diserahkan kepada bapanya untuk melaksanakannya. Setelah Responden membuat pagar di tanah tersebut pada tahun 2004 barulah Pemohon menyuruh anaknya membuat siasatan di pejabat tanah Alor Gajah dan mendapati namanya tiada dalam geran tersebut.
- Had masa tiada diperuntukkan dalam mana-mana enakmen negeri Melaka. Maka beresuaian dengan **Seksyen 245(2) Enakmen Tatacara Mal (Negeri Melaka) 2002** yang memperuntukkan seperti berikut:-

“ Jika terdapat lacuna atau juga apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini, Mahkamah hendaklah memakai hukum syarak. ”

- Dalam hukum syarak, Islam tidak memberi pengiktirafan terhadap masa yang terlalu lama untuk membuat sesuatu tindakan pemilikan atau pengguguran sesuatu hak. Malah ia dianggap sebagai penghalang daripada mendengar sesuatu dakwaan tentang hak yang

didakwa. Halangan ini dikenakan bagi mengelakkan masalah pembuktian dan keraguan asal hak seseorang.

- Dalam hal ini, Mahkamah merujuk kepada kes ***Kerajaan Negeri Terengganu lwn XXXXXX JH Jld24 Bhg 2 muka surat 251***. Di dalam kes tersebut, Perayu membahaskan bahawa tuntutan Responden tidak sah ke atas Perayu kerana difailkan melewati tempoh had masa. Hakim rayuan membenarkan rayuan Perayu ke atas isu tersebut kerana tuntutan Responden telah melangkau 80 tahun. Di dalam kes tersebut hakim rayuan berpendapat bahawa bukan masa yang lama sahaja menjadi penghalang dari didengar akibat kelewatan memfailkan kes, malahan Cap Zuriat Sungai Mengkuang juga sudah berpindahmilik kepada Perayu, sudah dibangunkan sebagai rancangan Tanah Felda dan juga telah diagih-agihkan kepada peserta.
- Mahkamah memetik rujukan hakim rayuan yang dibuat dalam kes tersebut dengan merujuk kepada penegasan Dr Wahbah al-Zuhaili dalam bukunya, *al-fiqh al-Islami wa Adillatuhu* Jld4, hlmn 69 yang menyatakan;

فإن الإسلامي لا يقر التقادم المكسب علي أنه سبب للملكية, وإنما هو مجرد مائع من سماع الدعوي بالحق الذي مضي عليه زمن معين , توفيراً لوقت القضاة , وتجنباً لما يثار من مشكلات الإثبات, وللشك في أصل الحق .

Yang bermaksud

Islam tidak mengakui kaedah berlalunya masa lama itu sebagai sebab pemilikan, tetapi kaedah berlalu masa lama itu dianggap sebagai penghalang daripada didengar sesuatu dakwaan tentang hak yang didakwa ada pada suatu masa dahulu yang lama telah berlalu, demi untuk melicinkan perjalanan kehakiman pada waktu nya, dan supaya masalah pembuktian dan keraguan tentang asal hak dapat dielakkan.

- Mengikut pendapat Al-Alim al-Allamah Al-Sayed Mohamad Amin Bin Omar Abd Aziz bin Ahmad Bin Abd Rahim yang keturunannya sampai kepada Sayyidina al-Hussin

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

menerangkan dalam kitab tanqih al-fatawa al-Hamidiyah di bawah tajuk kitab al-Da'wa menyatakan seperti berikut:-

(سئل) فيما غذا كان بيد زيد عقار متصرف فيه تصرف الملاك من مدة تزيد علي أربعين سنة بلا معارض ولا منازع وعمرو مطلع علي تصرفه المذكور فلم يدع بذلك علي زيد ولا منعه من الدعوي مانع شرعي فهل لا تسمع دعواه بعد ذلك علي زيد ولا دعوي وارثه من بعده ويترك في يد المتصرف : لأن الحال شاهد ؟ (الجواب) : نعم قال في جامع الفتاوي وقال المتأخرون من أهل الفتاوي لا تسمع الدعوي بعد ست وثلاثين سنة إلا أن يكون المدعي غائبا أو صبيبا أو مجنونا وليس لهما ولي أو المدعي عليه أميرا جائرا يخاف منه كذا في الفتاوي العتابية وقال في البحر عن المبصوط ترك الدعوي ثلاثا وثلاثين سنة ولم يكن مانع من الدعوي ثم إدعي لا تسمع دعواه : لأن ترك الدعوي مع التمكن يدل علي عدم الحق ظاهرا

Yang bermaksud:

Ditanya berhubung dengan harta tak alih yang berada di tangan Zaid yang memerintahnya serta menguruskannya dalam masa lebih daripada 40 tahun tanpa ada bangkangan dan bantahan dan Omar mengetahui keadaan itu dan dia tidak mendakwa ke atas Zaid menuntut harta itu sedangkan tidak ada halangan dari segi syarak untuk berbuat demikian, maka adakah tidak boleh didengar dakwaan ke atas Zaid dan waris-warisnya selepas itu dan biar sahaja di tangan orang yang menguruskannya kerana suasana itu sendiri sebagai saksi?

Jawapannya: Ia, begitulah seperimana yang dijelaskan dalam kitab Jami' Al-Fatawa dan mereka yang kemudian di kalangan ahli fatwa menjelaskan juga tidak boleh didengar sesuatu dakwaan selepas tempoh tiga puluh enam tahun dikecualikan orang yang berhak mendakwa itu ghaib (tidak ada atau kanak-kanak atau gila) dan kedua-duanya tidak ada penjaga atau pihak yang kena dakwa, raja yang zalim ditakuti daripada, ini dijelaskan di dalam al-Fatawa al-Attabiah dan dijelaskan lagi dalam kitab al-Bahri' An-Al-Mabsut tinggal tidak membuat apa-apa dakwa selama

tiga puluh tiga tahun tanpa ada apa-apa halangan daripada membuat dakwaan sedangkan dia boleh berbuat demikian menunjukkan dia tidak mempunyai hak pada zahirnya.

- Hakim rayuan di dalam kes tersebut juga merujuk kepada kes **XXXXXX dan 7 Orang lain lwn XXXXXX dan Seorang lain [2006] 22(ii) JH 207**, YA hakim di dalam kes tersebut memetik huraian mengenai masa berlalu oleh Dr Wahbah Zuhaili yang berkata bahawa ahli fekah telah menetapkan dengan 33 tahun dan dalam al-Majallah (perkara 1661 dan 1662) telah menetapkan 15 tahun.
- Di dalam **Arahan Amalan No. 2 tahun 2008** ada menyatakan bahawa sesuatu permohonan atau tuntutan yang tidak menyatakan had masa untuk diambil tindakan hendaklah dilakukan dengan seberapa sesegera yang mungkin. Mahkamah dalam hal ini merujuk kepada penghakiman kes Kerajaan Negeri Terengganu lwn XXXXXX dalam Jurnal Hukum Jld 24 Bhg 2 sebagai panduan sebelum membuat apa-apa keputusan sama ada menerima atau menolak tuntutan tersebut.
- Dengan merujuk kepada kedua-dua kes di atas, Mahkamah berpendapat bahawa tindakan masa yang melebihi 26 tahun bukan menjadi halangan kepada Pemohon menuntut hak daripada Responden
- Mahkamah berpendapat bahawa had masa yang dibangkitkan oleh saksi-saksi Responden adalah tidak relevan juga kerana Pemohon masih mempunyai hak untuk menuntut samaada ada berlaku hibah atau tidak pada masa tersebut.
- Oleh itu Mahkamah berpendapat pihak Pemohon berhak untuk menuntut pengesahan hibah walaupun telah melebihi jangka masa 26 tahun.

ISU KEDUA

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

SAMAADA PEMOHON TELAH MEMBUKTIKAN BERLAKUNYA TRANSAKSI HIBBAH.

- Pemohon di dalam keterangan utamanya telah mandakwa bahawa XXXXXX hendak memberikan tanah tersebut sebanyak $\frac{1}{2}$ bahagian dan pemberian tersebut adalah dibuat secara sukarela.
- Apabila XXXXXX menyatakan hasrat tersebut, Pemohon telah pergi bersama-samanya ke Pejabat Tanah Alor Gajah dengan diiringi oleh suami Pemohon iaitu XXXXXX dan XXXXXX. Mereka telah *menemui District Officer (DO)* di pejabat Tanah tersebut untuk melaksanakan niat XXXXXX untuk memindahmilik $\frac{1}{2}$ bahagian tanah tersebut kepada Pemohon dengan mengisi borang 14A iaitu borang pindahmilik.
- Semasa proses untuk menurunkan tandatangan dan cop jari, DO ada bertanya kepada XXXXXX samaada setuju atau tidak. XXXXXX telah menyatakan persetujuannya di hadapan DO tersebut bahawsanya XXXXXX setuju untuk menyerahkan $\frac{1}{2}$ bahagian tanah tersebut kepada Pemohon.
- Di dalam keterangan Pemohon juga ada menyatakan bahawa tiada apa-apa bayaran yang diberikan kepada XXXXXX. Borang 14A telah disimpan oleh bapa Pemohon.
- Setelah proses menandatangani dokumen tersebut (EKSHIBIT P3), Pemohon telah pulang ke Kuala Lumpur.
- Kemudian semasa hayat XXXXXX, Pemohon dalam keterangannya telah mengerjakan tanah tersebut bersama kakak Responden dengan menanam padi. XXXXXX tidak membantah apa yang ditanam oleh Pemohon. Hasil sawah padi tersebut telah diambil oleh Pemohon dan tidak diberi kepada sesiapun. Pemohon juga dalam keterangannya ada membayar cukai tanah ke atas tanah tersebut dengan memberi wang kepada Responden dbeberapa kali.
- Namun setelah 2 tahun kemudian, tanah tersebut telah dipagar oleh Responden dan Pemohon tidak berpuas hati dan terus menyuruh anaknya Razanah untuk membuat

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

carian di Pejabat Tanah Alor Gajah. Namun begitu beliau mendapati nama Pemohon tidak tercatat pun ke atas geran tanah tersebut.

- Di dalam keterangan nya dalam sessi soal balas oleh Peguam Responden, Pemohon menyatakan proses pindahmilik telah diuruskan oleh ibu bapa Pemohon kerana setelah menandatangani dokumen tersebut Pemohon telah pulang ke Kuala Lumpur.
- Pemohon ada menyatakan bahawa Pemohon telah dimaklumkan oleh ibu Pemohon bahawa XXXXXX ingin menyerahkan tanah tersebut kepada Pemohon dan menyuruh Pemohon supaya balik ke kampung untuk memindahmilik tanah tersebut. Pemohon juga ada menyatakan bahawa Pemohon tidak tahu sebab dan musababnya XXXXXX ingin menyerahkan ½ bahagian tanah tersebut kepada Pemohon kerana urusan pembahagian ini dibincangkan oleh ibu Pemohon dan XXXXXX.
- Pemohon tidak bersetuju dengan cadangan peguamcara Responden bahawa tanah tersebut adalah sebagai cagaran. Namun Pemohon ada menyatakan bahawa tanah itu bukan dicagarkan tetapi **ADA SEBAB** tanah tersebut dipindahmilik kepadanya.
- Kehadiran Pemohon ke pejabat tanah juga bertujuan untuk proses tandatangan sahaja dan selepas itu Pemohon terus pulang ke Kuala Lumpur dan urusan untuk pindahmilik tersebut diuruskan oleh ibu bapa Pemohon.
- Pemohon ada menyatakan keadaan kesihatan XXXXXX pada masa tersebut adalah berkeadaan baik dan sihat. Selepas proses menandatangani borang tersebut, XXXXXX telah pergi menunaikan haji dan Pemohon tidak tahu menahu pun bahawasanya XXXXXX mencagarkan tanah tersebut untuk mengerjakan haji.
- Mengikut keterangan SP1 iaitu penghulu yang turut serta hadir semasa proses menandatangani Borang 14A tersebut menyatakan bahawa sebelum menurunkan tandatangan, DO telah bertanya samaada ikhlas dan suci hati memberikan ½ bahagian tanah tersebut.
- Saksi ketiga Pemohon juga menyatakan bahawa Borang 14A tersebut telah lengkap dan boleh didaftarkan. Namun dalam soal balas peguam Responden, Penolong Pegawai Tadbir bahagian urusan pendaftaran di Pejabat Tanah Alor Gajah selaku saksi pakar

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

menyatakan proses pindahmilik belum lengkap untuk didaftarkan kerana cukai setem tidak dimatikan mengikut penilaian tanah.

- Suami kepada Pemohon iaitu SP2 juga secara konsisten menyatakan bahawa Pemohon ada hadir ke Pejabat Tanah Daerah Alor Gajah pada 3.12.1983 bersama dengan SP1 untuk menandatangani Borang 14A tersebut.
- Ibu kepada Pemohon iaitu SP4 juga telah menyatakan bahawa pemberian $\frac{1}{2}$ bahagian tanah tersebut adalah sebagai satu pemberian dan tiada pinjaman yang dibuat oleh XXXXXX. XXXXXX juga tidak pernah meminjam duit daripada SP4.
- Pada kesemua masa yang material, berdasarkan keterangan Pemohon dan saksi-saksinya menyatakan bahawa persetujuan XXXXXX untuk memindahmilik tanah tersebut adalah secara sukarela dan tiada apa-apa balasan yang diberikan oleh Pemohon kepada XXXXXX. Dan keterangan saksi Pemohon hanya menjurus kepada proses menandatangani Borang 14A yang menjadi pertikaian.
- Keesahan dokumen tersebut tidak sedikit pun dicabar oleh pihak peguamcara Responden. Responden pada bila-bila masa tidak pernah mempertikaikan keesahan cop jari XXXXXX dan Responden juga tidak pernah membangkitkan isu bahawa cop jari itu diperolehi secara tipu (*fraud*), salah nyata (*misrepresentation*) atau paksaan (*coercion*) oleh mana-mana pihak sebelum XXXXXX menurunkan cop jari pada dokumen tersebut. Maka terbukti dokumen tersebut adalah sah dan boleh diterima sebagai bukti yang sah di hadapan Mahkamah Yang Mulia ini.
- Persoalan timbul apakah puncanya XXXXXX ingin memindahmilik $\frac{1}{2}$ bahagian tanah tersebut kepada Pemohon. Isu ini telah dijawab oleh peguamcara Responden dalam hujahan beliau dengan menyatakan bahawa dokumen tersebut adalah sebagai suatu tanda cagaran gadai janji oleh XXXXXX yang kononnya telah meminjam sejumlah RM5,000.00 dengan Pemohon untuk menunaikan haji.
- Versi keterangan pihak Pemohon dan keterangan Responden adalah jauh berbeza. Mahkamah berpendapat keterangan pihak Responden dan saksi-saksinya hanya berkisarkan tentang pertemuan antara XXXXXX dan Pemohon untuk menyerahkan wang

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

sebanyak RM5,000.00 sebagai pinjaman untuk menunaikan haji dan akan membayar balik selepas pulang dari menunaikan haji di Mekah. Keterangan Pemohon dan saksi-saksinya pula tidak langsung menyentuh berkenaan jumlah wang sebanyak RM5,000.00. Tiada dalam mana-mana keterangan pihak Pemohon yang menyatakan XXXXXX ada meminjam daripada Pemohon wang tersebut.

- Menurut keterangan Responden pula, Responden ada mengatakan bahawa semasa XXXXXX, ibunya hendak mengerjakan haji, XXXXXX cuba memohon pinjaman daripada Responden sebanyak RM5,000.00. Namun pada masa tersebut Responden tidak mampu mengadakan wang sebanyak itu kerana perlu menanggung 5 orang anak. XXXXXX cuba pula pergi meminjam daripada XXXXXX namun tidak berjaya kerana XXXXXX juga ingin pergi menunaikan haji bersamanya. Namun selepas itu XXXXXX pergi berjumpa dengan ibu Pemohon iaitu XXXXXX, namun XXXXXX berkata dia tiada duit dan menyarankan agar XXXXXX meminjam wang daripada Pemohon.
- Pada pertengahan tahun 1983, Pemohon dan suaminya ada datang ke rumah Responden untuk berjumpa XXXXXX dan bertanya adakah betul XXXXXX ingin meminjam wang daripadanya. XXXXXX mengakui benar, dan mahu membuat pinjaman wang sebanyak RM5,000.00 tetapi menurut keterangan Responden, Pemohon telah meletakkan syarat dengan mengatakan boleh membuat pinjaman sebanyak RM5,000.00 namun begitu perlu mencagarkan $\frac{1}{2}$ bahagian tanah tersebut kepada Pemohon. XXXXXX bersetuju dengan cadangan Pemohon untuk mencagarkan tanah tersebut kepada Pemohon. Responden ada bersama semasa sesi perbincangan tersebut.
- Responden memberitahu bahawa mereka berada bersama semasa perbincangan itu diadakan. Ini termasuklah isteri Responden iaitu XXXXXX dan 2 orang anak Responden iaitu XXXXXX dan XXXXXX.
- Pada bulan 11 tahun 1983, Pemohon ada membawa duit sebanyak RM5,000.00 dan menyerahkan kepada XXXXXX dan XXXXXX ada memberitahu kepada Pemohon bahawa beliau akan membayar semula pinjaman tersebut kepada Pemohon. Penyerahan wang tersebut berlaku di Kg Pagoh, Alor Gajah Melaka.

- Menurut keterangan Responden, pada 13.12.1983 bapa Pemohon ada datang ke tempat kerja Responden. Bapa Pemohon ada memberitahu bahawa beliau akan pergi ke pejabat tanah bersama ibu Responden, Pemohon dan suami Pemohon. Pada lebih kurang jam 2.30 petang Responden pergi ke pejabat tanah dan beliau tidak nampak sesiapa pun kemudian Responden terus pulang ke rumah dan mendapati ibu Responden juga tiada di rumah. Setelah ibunya pulang ke rumah Responden ada bertanya ke mana ibunya pergi. Ibunya menjawab bahawa beliau telah pergi ke pejabat tanah untuk membuat perjanjian cagaran tanah bagi mendapatkan pinjaman wang sebanyak RM5,000.00 kepada Pemohon.
- XXXXXX telah pergi menunaikan haji pada 1984. Apabila pulang daripada menunaikan haji, XXXXXX ada menyuruh Responden melangsaikan hutang tersebut kepada Pemohon. Pada tahun 1986 Responden ada pergi ke rumah Pemohon dan pada masa itu ibu Pemohon, XXXXXX dan XXXXXX, suami kepada Pemohon yang ada di rumah. Semasa Responden ingin memulangkan duit RM5,000.00 tersebut. Pemohon menolak dan lalu berkata ***“pakailah duit itu”***. Oleh kerana mereka tidak mahu menerima wang tersebut Responden telah membawa balik wang tersebut dan menyimpan wang tersebut.
- Pada tahun 2002, sekali lagi XXXXXX pada ketika itu masih sihat mengingatkan Responden supaya membayar hutang tersebut. Pada tahun 2003, ibu Responden telah meninggal dunia. Kemudian pada tahun 2004, Responden ada pergi sekali lagi ke rumah Pemohon untuk membayar hutang tersebut, Pemohon menjawab ***“kenapa nak pulangkan balik wang itu, pakailah dulu wang itu.”***
- Responden mula curiga dengan kenggan Pemohon untuk menerima pembayaran hutang tersebut. Maka Responden terus ke Pejabat Tanah untuk membuat siasatan berkenaan dengan tanah tersebut. Beliau mendapati tanah tersebut tidak dituntut oleh sesiapa pun. Oleh itu Responden telah membuat permohonan untuk menukar tanah tersebut di pejabat tanah. Akhirnya beliau telah berjaya menukar milik tanah tersebut kepadanya. Kejadian tersebut berlaku pada tahun 2007.
- Pada tahun 2009, semasa hendak membuat pagar dan mengukur tanah serta mengusahakan tanah tersebut, XXXXXX iaitu SP2 yang mana suami kepada Pemohon

telah datang ke tempat tanah tersebut dan memarahi Responden. Seterusnya berlakulah pertelingkahan. Namun begitu pada masa yang sama Responden telah cuba berusaha menyerahkan semula hutang sebanyak RM5,000.00 kepada Pemohon,. Akan tetapi XXXXXX terus menunjukkan Borang 14A yang telah ditandatangani oleh XXXXXX dengan menunjukkan cop jari XXXXXX yang ada dalam Borang 14A tersebut. Selepas kejadian itu, Pemohon telah enggan untuk menerima wang RM5,000.00 tersebut.

- Responden menegaskan bahawa ibunya ada memberitahu Responden bahawa ibunya hanya mencagarkan tanah tersebut kepada Pemohon dengan menurunkan cop jari pada Borang 14A tersebut. Ibunya pernah memberitahu bahawa beliau tidak tahu menahu akibatnya kerana tidak bersekolah. Apabila dia disuruh cop jari maka dia menurunkan cop jarinya. Responden mengatakan dia tidak pernah melihat dokumen tersebut sehingga ditunjukkan oleh XXXXXX pada tahun 2009.
- Responden ada menyatakan bahawa beliau ada mengusahakan tanah tersebut dan menegaskan Responden sahaja yang bayar cukai tanah dan menafikan kenyataan Pemohon dan suaminya yang kononnya telah memberikan duit kepada Responden untuk membayar cukai tanah tersebut. Di dalam tindakan ini Responden ada mengekshibitkan salinan resit sebagai bukti pembayaran cukai ke atas tanah tersebut. Pemohon hanya mengatakan dalam keterangannya ada membayar cukai namun tidak mengemukakan apa-apa bukti bahawa beliau telah membayar cukai ke atas hartanah tersebut.
- Saksi Responden yang pertama, XXXXXX dan saksi yang kedua, XXXXXX secara konsisten menyatakan bahawa nenek mereka iaitu mengalami masalah wang untuk mengerjakan haji. Nenek mereka menerima wang sebanyak RM5,000.00 daripada Pemohon. Menurut keterangan mereka juga, nenek mereka pernah berkata ingin membayar semula wang tersebut kepada Pemohon apabila pulang daripada mengerjakan haji. Mereka secara konsisten juga menyatakan ada menyatakan Responden ada beberapa kali ingin memulangkan wang tersebut kepada Pemohon namun beliau enggan menerima wang tersebut .

- Di dalam keterangan Pemohon, Pemohon ada menyatakan bahawa Pemohon tinggal di Kuala Lumpur. Sebaik sahaja menandatangani dokumen tersebut, Pemohon juga telah kembali ke Kuala Lumpur. Pemohon dan suami hanya pulang ke Melaka pada tahun 2007. Di dalam persoalan ini, Pemohon tidak menyatakan secara spesifik bilakah Pemohon mengusahakan tanah tersebut dan mengutip hasilnya. Pemohon menyatakan ada membayar cukai tanah namun tidak menunjukkan bukti resit pembayaran di Mahkamah. Pemohon ada memberikan wang kepada Responden untuk membayar namun perkara tersebut dinafikan oleh Responden.
- Siapa yang membayar cukai tanah tersebut adalah diragui dan tidak dapat dbuktikan oleh Pemohon bahawa beliau ada membayar cukai tanah tersebut. Responden ada mengekshibitkan salinan cukai tanah yang didakwa dibayar oleh Responden pada tahun 2004 hingga tahun 2007 di dalam Afidavit Jawapannya.
- Pemohon berkata ada mengusahakan tanah tersebut dengan menanam sawah padi dan ada mengutip hasilnya. Namun pengataan ini tidak juga dibuktikan oleh Pemohon melalui apa-apa dokumen atau keterangan oleh mana-mana saksi.
- Kemudian Pemohon di dalam keterangannya ada bahawa sebaik sahaja menandatangani dokumen Borang 14A tersebut, dia pulang ke Kuala Lumpur. Borang tersebut diserahkan kepada bapanya untuk menguruskan tukar nama. Timbul persoalan jika Pemohon berada di Kuala Lumpur, siapa yang mengusahakan tanah tersebut sedangkan beliau tidak berada di Melaka. Pemohon ada memaklumkan beliau mengusahakan bersama dengan kakaknya dan hasilnya tidak dibahagi kepada sesiapaupun. Namun dalam kes ini, kakak kepada Pemohon telah tidak dipanggil sebagai saksi untuk mengesahkan pengataan tersebut.
- Semasa memberi keterangan soal balas peguam Responden, Pemohon menyatakan Pemohon tinggal di Kuala Lumpur sejak berkahwin iaitu pada tahun 1970 dan baru 6 hingga 7 tahun tinggal di kampung.
- Persoalan utama yang perlu diputuskan adalah sejauh mana penguasaan Pemohon ke atas tanah tersebut untuk menentukan wujudnya elemen *qabd* semasa hayat XXXXXX yang kononnya telah mengusahakan tanah tersebut.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

- Pemohon mengatakan ada mengusahakan tanah tersebut namun perkara ini dinafikan oleh Responden. Pemohon tidak menunjukkan apa-apa bukti secara dokumentar atau keterangan saksi bahawa tanah tersebut telah diusahakan oleh Pemohon dan telah mengutip hasilnya. Saksi-saksi Pemohon juga tidak pernah menyatakan tentang adanya Pemohon mengusahakan tanah tersebut. Keterangan tersebut hanya dinyatakan oleh Pemohon. Pemohon juga tidak menyatakan secara spesifik bilakah Pemohon mula mengusahakan tanah tersebut.
- Mahkamah ingin menggariskan kronologi dalam kes ini di mana kronologinya boleh dirumuskan seperti berikut:-

- a) 1983 - Pemohon dan XXXXXX menandatangani dokumen 14A
- b) 1984 - XXXXXX mengerjakan haji
- c) 2003 - XXXXXX meninggal dunia
- d) 2004 - Responden membuat pagar pada tanah tersebut
- e) 2007 - Responden mendapat perintah Bicara Kuasa di mana tanah tersebut dipindahmilik kepadanya sebanyak 1/1 bahagian.
- f) 17.7.2009 - Pemohon memfailkan pengesahan hibbah di Mahkamah.

- Jika Pemohon telah tinggal di Melaka sejak 7 tahun lepas (melalui keterangan yang dinyatakan oleh Pemohon pada 10 Mei 2010) bermakna Pemohon mengusahakan tanah tersebut pada 2003. Pada masa tersebut XXXXXX telah meninggal dunia. Jika Pemohon terus mengerjakan tanah tersebut selepas menandatangani dokumen tersebut pada tahun 1983, walhal Pemohon menyatakan beliau terus pulang ke Kuala Lumpur.

- Pemohon dan SP3 ada menyatakan Responden telah membuat pagar ke atas tanah tersebut dan perkara ini telah menimbulkan kemarahan SP3 kerana berpandangan bahawa tanah tersebut telah dipindahmilik kepada Pemohon.
- Penguasaaan Pemohon ke atas tanah tersebut telah dihalang oleh Responden, fakta bahawa Pemohon telah mengusahakan tanah tersebut juga diragui kerana ada keterangan lain yang mengatakan Pemohon tinggal di Kuala Lumpur setelah menandatangani dokumen tersebut dan bagaimana boleh Pemohon mengusahakannya sedangkan Pemohon berada di Kuala Lumpur. Fakta ini tidak jelas dan juga tidak dibuktikan. Pemohon juga tidak menyatakan dalam Afidavitnya bahawa beliau ada mengusahakan tanah tersebut dengan menanam padi. Saksi-saksi Pemohon juga tidak menyatakan tentang ada perlakuan Pemohon dalam mengusahakan tanah tersebut.
- Maka di sini perlu diberi penekanan bahawa jika berlaku hibbah dan transaksi oleh XXXXXX, adakah Pemohon telah berjaya membuktikannya. Oleh yang demikian perlu dibahaskan di sini adakah dakwaan Pemohon telah memenuhi kehendak rukun-rukun dan syarat-syarat sah hibbah.
- Hibbah merupakan suatu pemberian hak milik sesuatu harta kepada seseorang tanpa ada tukar ganti dengan harta atau benda yang lain atau dengan wang pada kadar nilai yang tertentu yang dibuat semasa pemberi hibbah masih hidup dan ia dilakukan secara sukarela.
- Menurut istilah syarak, hibbah bermaksud suatu akad pemberian atau pemindahan milik ain sesuatu harta kepada seseorang tanpa apa-apa balasan (I'wad) semasa pemberi milik itu masih hidup dan ia dilakukan secara sukarela dengan menggunakan lafaz ijab Kabul. Sesuatu hibbah akan menjadi sah mengikut hukum-hukum syarak apabila sempurna rukun-rukunnya.
- Rukun-rukun hibbah menurut jumhur ulama adalah seperti berikut:-
 - a) Pemberi Hibbah
 - b) Penerima Hibbah
 - c) Barang yang diberi

d) Sighah (lafaz ijab dan Kabul)

- Maka di sini Mahkamah perlu untuk mengupas satu persatu tentang rukun-rukun di atas samaada Pemohon telah berjaya membuktikan wujudnya hibbah antara Pemohon dan XXXXXX.

RUKUN PERTAMA: Pemberi Hibbah

- Pemberi ialah orang yang memiliki barang yang hendak diberi. Jika pada masa tersebut dia adalah pemilik yang sah, maka dia berhak untuk memberi. Di dalam kes ini, Pemberi ialah XXXXXX. Manakala penerimanya adalah Pemohon, XXXXXX. Menurut keterangan Pemohon, XXXXXX telah menghibahkan $\frac{1}{2}$ bahagian tanah tersebut kepada Pemohon semasa sihat tanpa ada paksaan oleh sesiapun.
- Pemberi adalah disyaratkan berkeahlian untuk memberikan iaitu dia mempunyai ciri-ciri seorang yang berakal, baligh, serta matang. Di dalam keterangan Pemohon atau Responden, tiada mana-mana pihak mempertikaikan tentang keadaan kesihatan XXXXXX semasa menandatangani dokumen 14A atau semasa XXXXXX kononnya menerima wang sebanyak RM5,000.00 daripada Pemohon. Semasa menandatangani dokumen tersebut menurut keterangan SP1 Pemohon iaitu Penghulu sendiri telah mendengar DO telah bertanyakan samaada XXXXXX setuju dengan sukarela menyerahkan bahagian tersebut kepada Pemohon. XXXXXX menyatakan persetujuannya dengan menurunkan cop jari ke atas Borang 14A tersebut.
- Maka Mahkamah berpuas hati bahawa rukun pertama telah dipenuhi oleh Pemohon iaitu ada pemberi dan penerima hibbah.

RUKUN KEDUA : PENERIMA HIBBAH

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

- Penerima ialah semua orang atau individu yang harus menerima dan berkeahlian dalam memiliki harta yang diberi hibbah kepadanya. Dalam kes ini penerima adalah Pemohon, seorang yang berkeahlian dan berkelayakan dalam menerima harta-harta yang dihibbahkan tersebut.
- Mahkamah juga berpendapat bahawa rukun kedua juga telah dipenuhi oleh Pemohon.

RUKUN KETIGA: BARANG YANG DIHIBBAHKAN

- Barang yang hendak dihibbahkan adalah menjadi milik penghibbah secara sempurna di mana ia tidak di miliki oleh orang lain dan tidak berkongsi dengan orang lain serta barang tersebut merupakan barang yang bermanfaat dan diakui oleh syara'.
- Di dalam kitab Mughni al-Muhtaj ada menjelaskan tentang syarat milikan sempurna

“ Ada harta yang dihibbahkan itu dengan syarat harta itu hendaklah menjadi milikan sempurna penghibbah iaitu tidak boleh bercampur milikan dengan orang lain dan harta yang bermanfaat serta diiktiraf oleh syarak. Dengan demikian sekiranya harta yang dihibbahkan itu tidak wujud atau harta tersebut masih di dalam khayalan atau harta yang dihibbahkan itu merupakan benda yang sifat dan zatnya diharamkan oleh syarak, maka hibbah tersebut adalah tidak sah”

- Merujuk kepada Kitab Al-Iqna' Jil 2, hlmn 171 iaitu;

Yang bermaksud: Maka disyaratkan kepada orang yang memberi hibbah itu mestilah memiliki harta tersebut dan mempunyai pegangan yang mutlak terhadap hartanya maka tidak sah memberi harta yang hilang.

- Di dalam kes ini, fakta yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak adalah tanah tersebut adalah milik mutlak XXXXXX di mana XXXXXX merupakan pemilik berdaftar tanah tersebut. Maka rukun ketiga juga telah dipenuhi oleh Pemohon.

RUKUN KEEMPAT: SIGHAH ATAU LAFAZ HIBBAH

- Menurut **Dr. Wahbah al Zuhaily dalam Fiqh Islami wa Adillatuhu** Jilid 5 mukasurat 8 Cetakan Ketiga 1989, Dar Fikr Beirut, Lubnan ada menyatakan berhubung dengan ‘*sighah*’ iaitu :
 - وأما الصيغة : فكل ما يقتضي الإيجاب والقبول من قول أو فعل كلفظ الهدية والهبة والعطية والنحلة أو شبه ذلك.
 - والإيجاب : إما صريح ، مثل : أن يقول الواهب وهبت هذا الشيء لك ، أو ما يجري مجرى الصريح كقوله ، ملكته منك ، أو جعلته لك أو هو لك ، أو أعطيته ، أو نخلته ، أو أهديته إليك ، أطعمتك هذا الطعام ، أو حملتك علي هذه الدابة ونوى به الهبة : لأن تملك العين للحال أو جعلها له من غير عوض هو معنى الهبة ولأن بقية الألفاظ تفيد التملك في الحال في عرف الناس أو في استعمالهم
 -
 - *Segala perkara yang dituntut dalam ijab berupa perkataan atau perbuatan seperti lafaz hadiah, hibah, pemberian dan seumpama dengannya.*
 -
 - *Ijab samaada secara terus terang seperti kata pemberi, ‘Aku berikan barang ini kepadamu’, atau ijab secara tidak terus terang seperti kata pemberi, ‘Aku telah menyerahkan hakmilik kepadamu’, ‘Aku telah jadikan barang ini untukmu’ atau ‘Dia untukmu’, atau ‘Aku telah berikannya’, ‘Aku telah serah untuknya’, atau ‘Aku hadiahkan untuknya’, atau ‘Aku berikan makanan ini untuknya’, atau ‘Aku bawa kamu di atas tunggang ini’ dan berniat barang itu sebagai pemberian. Ini kerana menyerahkan barang pemberian atau menjadikan barang pemberian itu untuk si penerima tanpa perlu mengganti adalah makna sebenar kepada hibah dan kerana lafaz-lafaz yang lain mengikut keadaan ‘uruf manusia’ atau penggunaan mereka sudah cukup membawa makna memindah hakmilik’.*
 -

- Merujuk kepada kes **XXXXXX lwn XXXXXX dan 4 yang lain (2006) JH xx1/11, muka surat 158-177**, YAA menyebut terdapat 13 syarat mengenai lafaz hibbah iaitu seperti berikut:-
 1. Tidak diselangi dengan percakapan yang lain di antara ijab dan qabul
 2. Tidak diselangi di antara keduanya dengan masa yang panjang
 3. Kedua-duanya sepakat dengan pengertiannya
 4. Tidak tergantung (taklik)
 5. Tidak tertangguh masa
 6. Tidak berubah pihak yang pertama sebelum pihak pihak yang kedua
 7. Lafaz boleh didengar bagi mereka yang berhampiran dengannya
 8. Kekal kelayakan sehingga wujud pihak yang lain
 9. Ada pengucapan
 10. Pengucapan itu sempurna
 11. Menyebut apa yang diberi
 12. Berlaku pemberian keseluruhannya
 13. Maksudnya sama dengan lafaz

- Di dalam kes ini, Pemohon merujuk kepada Borang 14 yang telah ditandatangani oleh XXXXXX pada 13.12.1983 di mana Borang 14 ada menyatakan XXXXXX “ **bersetuju dengan tiada apa-apa balasan dengan ini memindahkan kepada penerima pindahmilik yang tersebut di bawah ini, segala hakmilik atau kepentingan sebagaimana yang ada pada saya.**”

- Pada muka surat 2 Borang 14A tersebut telah menyatakan “ ***Kami, XXXXXX dan XXXXXX menerima pindahtanah ini mengenai bahagian-bahagian yang tak dipecahkan atas tanah sebagaimana dinyatakan berseparahan dengan nama-nama kami di bawah ini-***

1) XXXXXX Bt16 ½ Paya Datuk, Alor Gajah, Melaka ½ bahagian

2) XXXXXX sama ½ bahagian

- Adalah nyata di dalam borang tersebut XXXXXX telah menurunkan cop jari kanannya dan Pemohon menerima dengan menurunkan cop jari kanannya juga pada halaman kedua Borang tersebut.
- Borang tersebut secara nyata ada menunjukkan bahawa seolah-olah berlaku lafaz ijab oleh XXXXXX bersetuju untuk menyerahkan ½ bahagian miliknya kepada Pemohon.
- Proses menandatangani tersebut disaksikan oleh SP1 yang mana turut hadir di hadapan DO pada masa tersebut.
- Mahkamah merujuk kepada kes ***XXXXXX lwn XXXXXX (1997) XI (II) JH muka surat 219.*** Di dalam kes tersebut, tanah yang dipertikaikan telah dipindahtanah kepada Defendan dengan menggunakan Borang 14A. Mahkamah berpendapat berdasarkan hukum syarak dan fakta undang-undang di dalam kes tersebut, pindahtanah tanah HS(M) 319 Mukim Kuala Paka oleh Plaintiff kepada Defendan pada 19.12.1979 adalah tergolong dalam jenis hibbah.
- Di dalam kes tersebut, tanah tersebut **TELAH DIPINDAHTANAH** melalui Borang 14A. Hakim di dalam kes tersebut berpendapat bahawa ijab dan kabul jelas terbukti dengan kuatnya melalui Borang 14A Kanun Tanah Negara.
- Hakim telah memutuskan di dalam kes tersebut bahawa ia adalah hibbah yang sempurna kerana telah memenuhi segala kehendak rukun yang sah dan hibbah tersebut tidak boleh ditarik balik.
- Ia berbeza dengan kes di hadapan saya ini. Borang 14A yang telah ditandatangani oleh XXXXXX dan Pemohon adalah dikira suatu ijab kabul yang sah, namun Borang tersebut

tidak diproses atau diefektakan pindahmilik ½ bahagian hartanah tersebut tersebut Pemohon. Maka persoalan berlegar-legar di sini adakah Borang 14A yang hanya diisi tetapi **TIDAK BERLAKU PINDAHMILIK** dikira suatu hibbah yang sah?

- Maka di sini Mahkamah berpendapat bahawa kes XXXXXX lwn XXXXXX (1997) XI (II) JH adalah berbeza dengan kes di hadapan saya ini.
- **Di sini timbul satu persoalan, jika menandatangani Borang 14A tersebut, adakah boleh dikira telah berlaku penyerahan dan penerimaan barang (al-qabd) oleh Pemohon?**
- Di dalam keterangan Pemohon, Pemohon ada menyatakan selepas menandatangani dokumen tersebut, Pemohon telah pulang ke Kuala Lumpur kerana telah menetap di sana. Pemohon ada mengatakan beliau bersama kakaknya ada mengusahakan tanah tersebut dengan menanam padi dan hasil tidak dibahagi kepada sesiapa pun. Pemohon juga menyerahkan dokumen 14A tersebut kepada bapanya untuk disempurnakan pindahmilik.
- Selepas Pemohon mendapati Responden memasang pagar pada tanah tersebut, Pemohon terus membuat pemeriksaan di pejabat tanah dan mendapati tanah tersebut telah tidak dipindahmilik kepadanya sebanyak ½ bahagian sebagaimana yang tercatat dalam Borang 14A tersebut.
- Mahkamah berpendapat bahawa isu samaada telah berlaku qabd ke atas hartanah tersebut perlu diteliti kerana elemen ini sahaja tidak boleh menentukan keesahan ada berlakunya hibbah antara XXXXXX dan Pemohon.
- Al-Qabd bermaksud mendapat sesuatu, menguasainya dan boleh melakukan tasarruf. Al-qabd adalah terbahagi kepada 3 jenis iaitu:-
 - a) Al-qabd dengan kebenaran syarak semata-mata tanpa kebenaran pemiliknya contohnya penerima zakat;
 - b) Al-qabd dengan kebenaran dan keizinan pemiliknya sepertimana berlaku dalam hibbah; dan
 - c) Al-qabd tanpa kebenaran syarak dan pemiliknya iaitu harta milik orang lain.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

- Mahkamah merujuk kepada hujahan peguamcara Responden yang menyatakan bahawa menurut Mazhab Syafie, al-qabd merupakan syarat luzum, ertinya akad hibbah tidak sempurna dan tidak akan berkuatkuasa dengan ijab dan Kabul, kecuali selepas al-qabd. Jika sekiranya al-qabd tidak berlaku maka akad hibbah merupakan akad yang tidak mengikat. Pemberi hibbah berhak menarik balik hibbah tersebut selama mana harta tersebut berada dalam pemilikannya.
- Peguamcara Responden juga berhujah dengan mengatakan bahawa cara penerimaan barang (al-qabd) adalah berbeza-beza mengikut jenis harta samaada harta alih atau tidak alih. **Al-qabd boleh berlaku dengan cara mengosongkan harta itu, menguasainya dan melakukan tasarruf terhadap harta tersebut seperti menyerahkan kunci dan seumpamanya.** Manakala harta alih pula al-qabd boleh berlaku dengan mengambil harta itu, memindah atau mengasingkan harta tersebut dengan harta-harta lain.
- Mahkamah merujuk kepada kitab عقد البيع في الفقه الإسلامي di muka surat 79, fuqaha telah berpendapat bahawa qabd ke atas harta alih adalah seperti mengosongkan tanah, menguasai tanah tersebut dan dapat menjalankan tasarruf ke atas tanah tersebut. Namun jika ada pihak lain yang menghalang untuk melakukan apa-apa ke atas tanah tersebut , maka ia tidak dikira sebagai qabd.

فقد إتفق الفقهاء من الحنفية والشافعية والمالكية والحنابلة والظاهرية علي أن القبض العقار يكون بالتخلية والتمكين من اليد والتصرف . فإن لم يتمكن منه بأن منعه شخص آخر من وضع يده عليه , فلا تعتبر التخلية قبضا

- Di dalam kes ini Mahkamah berpendapat lafaz ijab dan Kabul berlaku semasa hayat XXXXXX kerana adanya cop jari XXXXXX dan Pemohon tertera di dalam dokumen Borang 14A tersebut. Adalah nyata dokumen tersebut juga tidak dipertikaikan oleh Responden di mana masa kesemua masa yang material Responden tidak pernah mempertikaikan bahawa cop jari pada muka surat 2 dokumen tersebut adalah bukan milik ibunya. Dokumen tersebut juga ditandakan sebagai P3 dan bukannya ID di mana adalah diakui

oleh pihak yang satu lagi sebagai salah satu bukti yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah untuk menentukan adanya perlakuan hibbah.

- Namun satu persoalan timbul adakah qabd telah berlaku dan elemen penerimaan telah dibuktikan oleh Pemohon?
- Di dalam keterangan Pemohon, Pemohon ada menyatakan Pemohon bersama dengan kakak ada mengusahakan tanah tersebut dengan menanam padi dan hasil tidak diberi kepada sesiapa. Pemohon mendakwa XXXXXX pada masa tersebut tidak membantah. Pemohon telah menganggap tanah tersebut adalah miliknya setelah menurunkan cop jari pada borang 14 A tersebut.
- Pemohon ada membayar cukai setahun sekali sebanyak RM3.00 dan adakalanya memohon bantuan kepada Responden untuk membuat bayaran cukai tersebut. Pemohon dalam keterangannya menyatakan ada memberikan duit kepada Pemohon untuk membuat bayaran cukai sehingga 2 tahun sehingga Responden tidak mahu menerima lagi duit tersebut. Kemudian selepas itu Pemohon mendapati Responden telah membuat pagar pada tanah tersebut. Menurut keterangan SP3, Responden telah memagar tanah tersebut pada tahun 2007. SP3 sebagai suami kepada Pemohon juga ada mengatakan Pemohon dan SP3 telah balik ke Melaka pada 2 tahun yang lepas.
- Pemohon juga mengakui dalam menjawab soalan balas oleh Peguam Responden bahawa pindahmilik melalui borang 14A tidak dibuat segera pada waktu itu.
- Menurut Imam Syafie, hibbah terlaksana dengan qabd selepas akad. Adakah tempoh masa 2 tahun yang didakwa ada mengusahakan tanah tersebut dikira berlaku qabd?
- Hibbah hendaklah terlaksana serta merta, mengambil hasil dan menguruskannya adalah bukti Pemohon menguasai tanah tersebut.
- Menurut pandangan Dr.Syaiyyid Ahmad A'mir didalam kitabnya

" عقد البيع في الفقه الإسلامي " Mukasurat 195 ada menyebut :

Qabad menurut bahasa :

تناول الشيء بجميع الكف

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Mendapat sesuatu dengan bentuk pembekuan barang tersebut

- Qabad menurut Istilah Syara':

أخذ المال وحيازته بسبب مشروع

Mengambil Harta serta menguasainya dengan cara yang dibenar oleh syara'

- Menurut didalam kitab " al-Feqh al-Manhaji " jilid 3 hlm 16 qabad terbahagi kepada :

1 - قبض المنقول : يكون إما بالتناول إذا كان يتناول باليد كالثوب والكتاب ونحوهما ،

- Bagi barangan jenis harta boleh alih , bentuk qabad (penerimaannya) boleh berlaku dengan cara mengambil dengan tangan jika barangan tersebut boleh diambil dengan tangan . Contohnya baju , buku atau sebagainya.

وإما بالنقل إذا كان لا يتناول باليد كالسيارة والدابة وما إلى ذلك

- Jika barangan tersebut tidak boleh diambil dengan tangan seperti kereta , haiwan atau sebagainya, qabadnya (penerimaannya) boleh dilakukan dengan cara memindahkan barangan tersebut

أما غير المنقول : كالدار والأرض فقبضه بالتخلية بينه وبين المشتري وتمكيه منه وإزالة الموانع من تسلمه ،

وتسليم مفتاحه إن كان داراً ونحوه

- Bagi barangan yang tidak boleh alih seperti rumah atau Tanah, qabad (penerimaan) boleh berlaku dengan cara penjual melepaskan haknya kepada pembeli atau pembeli menguasai barang tersebut dan berbuat apa sahaja aktiviti yang ingin dijalankannya

atau penjual mengenyepikan sebarang bentuk halangan dalam proses penyerahannya
atau dengan cara menyerahkan kunci jika sekiranya barangan tersebut adalah seperti
rumah atau sebagainya

- Didalam kitab “ عقد البيع في الفقه الإسلامي ” menerangkan pandangan Mazhab Maliki
bahawa :

إما تعتبر التخلية بمجرد قبضها إذا كان العقار قريبا ،

- Dikira sebagai Qabad hanya dengan cara (التخلية) iaitu pemberi hibah (penjual)
memberi keizinan kepada penerima hibah (pembeli) untuk mengambil barang yang
dihibahkan (yang dijual) tanpa sebarang halangan., ini adalah sekiranya barang
tersebut berada dijarak dekat.

فإذا كان بعيدا لا تعتبر التخلية وحدها ، بل لا بد من فعل من المشتري يدل على التسليم والقبض

- Maka apabila barang itu jaraknya jauh maka tidak dikira Qabad dengan hanya cara
(التخلية) semata-mata (iaitu dengan cara memberi keizinan kepada penerima hibah (
pembeli) untuk mengambil barang yang dihibahkan (yang dijual) tanpa sebarang
halangan) melainkan ada tanda-tanda yang menunjukkan perbuatan penerima Hibah (
sipembeli) menerima barang tersebut serta qabad

- Didalam kitab al- Buyuu’ al-Syarii’ah (البيوع الشائعة) karangan Dr.Taufiq Ramadhan al-
Butty , halaman 75 ada menyebut :

أما العقارات : فقد إتفق العلماء إجمالاً على أن قبضها يكون بالتخلية وتمكين اليد من التصرف ، وقد ذهب الشافعية إلى إعتبار تسليم المفتاح مثلاً ، وذرع الأرض إن كان التقدير معتبراً من مستلزمات التخلية والتمكين من التصرف .

- Harta tak alih : Telah sepakat para Ulama feqh bahawa sesungguhnya Qabad boleh berlaku secara (التخلية) iaitu dengan cara memberi keizinan kepada (pembeli atau penerima hibah) untuk mengambil barang tanpa sebarang halangan dan membolehkan pembeli (penerima Hibah) menguasai barang tersebut dan berbuat apa sahaja aktiviti yang ingin dijalkannya tanpa sebarang halangan,
- Ulama as-Syafiiyyah berpandangan bahawa dengan cara penyerahan kunci juga dikira sebagai Qabad , begitu juga sekiranya sesuatu yang boleh diukur maka dengan cara mengukur keluasan tanah (mengetahui keluasan tanah sebagaimana didalam geran tanah) maka ia dikira sebagai qabad juga.
- Oleh kerana Hibah adalah sama syaratnya dengan jual beli maka syarat qabad juga adalah sama seperti syarat qabad dalam didalam jual beli
- Mahkamah merujuk kepada kes XXXXXX –LWN- XXXXXX JH (2001) 14/1 (79) YA Hakim Tuan haji Abdul Wahib bin Hassan menyatakan :

*‘ Hukum Syara’ juga menjelaskan lagi walaupun telah berlaku ijab dan qabul secara sah di dalam sesuatu hibah, pemilikan barang yang dihibah masih belum boleh dimiliki oleh penerima hibah kecuali barang itu telah diserahkan atau diambil atau dipegang oleh penerima hibah. Di dalam kes ini, **barang tersebut iaitu tanah telah***

pun diguna dan diusahakan oleh Defendan dengan mendirikan sebuah rumah, seolah-olah dia telah menerima/mengambil/memegang tanah tersebut. Walaubagaimanapun, Hukum Syara' mensyaratkan bahawa pemegang/pengambilan barang yang dihibah hendaklah dengan izin pemberi hibah, seperti yang diutarakan di dalam kitab Mughni al Muhtaj, Jilid 2, mukasurat 400 karangan Imam Syarbaini al Khatib, cetakan Darul Fikr, Mesir yang disebut ;

ولا يملك موهوب إلا بقبض بإذن الواهب

Yang bermaksud : ' Tidak memiliki akan benda yang dihibah itu melainkan (قبض) dengan izin daripada yang memberinya atau wakilnya '.

Juga seperti di dalam kitab Matla' al Badrain wa Majma' al Bahrain pada mukasurat 126 seperti berikut :

'Dan tidak memiliki akan benda yang dihibah itu melainkan (قبض) dengan izin daripada yang memberinya atau wakilnya'.

- Mahkamah juga merujuk kepada kes XXXXXX –lwn- XXXXXX (2004) JH di mana Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan menyatakan berhubung dengan Qabd iaitu:

'Selain daripada alasan-alasan tersebut, satu perkara lagi yang sangat penting di sini bagi mengukuhkan hukumannya bahawa Responden selaku Yang Mendakwa dalam kes ini telah memerintah (qabd) dengan terus menduduki rumah di atas tanah tersebut selepas kematian suaminya tidak dihalang oleh perayu-perayu sehinggalah apabila kesnya sampai ke mahkamah'. Berdasarkan sebab dan alasan tersebut mahkamah membuat keputusan mengekalkan keputusan Hakim Bicara di Mahkamah Tinggi Syariah dan menolak rayuan perayu.

- Dalam kes **XXXXXX DAN SEORANG LAGI –lwn- KERAJAAN PAHANG [1987] 2 MLJ 74** di mana dalam kes ini telah dikatakan bahawa Sultan Pahang pada tahun 1888 telah membuat pemberian sekeping tanah besar dihuraikan sebagai *‘Semua daerah sungai yang menjadi lembah Sungai Tembeling dan semua cabangnya dari tempat permulaan hingga muaranya dan terletak di Negeri Pahang’* pada dua (2) anak perempuannya. Perayu Pertama adalah anak kepada seorang anak perempuan Sultan itu dan Perayu Kedua ialah cucu lelaki. Mereka menuntut bahawa mereka berhak kepada tanah yang disebut dalam dokumen diraja itu. Pihak Penentang menafikan pemberian tersebut dengan mengatakan ia tidak tahu mengenai dokumen itu. Hakim Votrah yang mendengar permohonan itu memutuskan terdapat kausa tindakan yang munasabah, akan tetapi guaman itu dihalang oleh Statut Pembalasan. Apabila rayuan dibuat Salleh Abbas KHN di Mahkamah Agong telah berkata ;

‘Pemberian tanah yang disebut dalam rayuan ini telah dibuat oleh Sultan hampir dua (2) tahun sebelum Peraturan Tanah 1889 dan tidak syak undang-undang yang terpakai bagi pemberian itu ialah Hukum Syara’. Mengikut undang-undang itu, seorang Islam memperoleh keempunyaan mana-mana keping tanah yang tidak pernah ditanam diatasnya di Negara Islam dengan cara menebas dan bekerja atas tanah itu. Seorang bukan Islam sebaliknya tidak boleh memperoleh hak milik tanah dengan cara itu. Dia hendaklah sama ada mendapat tanah itu dari Sultan atau seorang pemunya Islam melalui Alang (pemberian) atau jualan (Minhaj al Talibin di mukasurat 226). Mengenai pemberian tanah sama ada kepada seorang Islam atau bukan Islam, pemberian itu tidak akan menjadi sah melainkan penerima pemberian itu mengambil milikan tanah yang diberi itu pada masa pemberian itu dibuat. Dengan perkataan lain, suatu pemberian akan memindahkan keempunyaan tanah itu kepada orang kepada siapa diberi hanya apabila dia mengambil milikan tanah itu (Minhaj al Talibin di mukasurat 234). Dalam kes MOHAMMAD ABD GHANI DAN SEORANG LAGI –lwn- FAKHR JAHAR BEGUM DAN LAIN-LAIN (1922) 49 2 A 195,209 dan kes AMJAD KHAN –lwn- ASHRAP KHAN (1929) 56 2A 213,219 yang mengenai sahnya pemberian di bawah undang-undang Islam. Privy Council itu mengenakan prinsip yang sama. Dalam kes itu, Privy Council itu bersetuju dengan pendapat Syed Ameer Ali dalam bukunya ‘MOHAMMEDAN LAW’ (Edisi 4 Jilid 1 di mukasurat 41) yang bermaksud untuk mewujudkan pemberian yang sah hendaklah terdapat tiga perkara iaitu :

- Keterangan kemahuan pemberi untuk memberi*
- Penerimaan oleh penerima pemberian itu samaada tersirat atau khusus :*

- iii. *Mengambil alih milikan pemberian itu oleh penerimanya samaada dengan nyata atau boleh diangggapkan.*

Kembalinya kepada dokumen diraja yang digunakan oleh Perayu-Perayu, kami tidak teragak-agak yang mengatakan bahawa dua unsur yang pertama bagi pemberian yang sah iaitu tawaran dan penerimaan telah dibuktikan. Akan tetapi mengenai unsur yang ketiga, tidak ada apa-apa dalam pernyataan tuntutan yang menunjukkan penerima pemberian itu telah mengambil milikan pemberian samaada dengan nyata atau yang boleh dikira. Oleh kerana itu, pemberian itu gagal. Dia gagal kerana ia tidak diwujudkan secara sempurna atau disempurnakan dengan mengambil milikan.

- Mahkamah merujuk kepada kes **XXXXXX lwn XXXXXX dan 3 yang lain JH 1430 muka surat 235** , Hakim telah memutuskan bahawa tiada elemen qabd di dalam kes tersebut dan tidak sabit hibbah walaupun Pemohon di dalam kes tersebut tinggal di rumah tersebut.
- Di dalam kes tersebut, hakim berpendapat bahawa mendiami rumah tersebut semata-mata tidak bermakna menguasai rumah itu. Tidak ada keterangan bahawa Plaintiff menguasainya, seperti membaiki, membina semula, mengubah suai, mengecat atau meminda dari yang asal, kerana menguasai bermakna Plaintiff berhak melakukan sesuatu tanpa halangan orang lain. Jika Plaintiff tidak boleh melakukan perkara-perkara tersebut semasa simati masih hidup, bermakna Plaintiff tidak menguasai rumah tersebut dan melakukan tasarruf . Tidak ada keterangan Plaintiff menguasai rumah tersebut semasa hayat Arwah Yusuf bin Hassan, demikian juga selepas kematian arwah Yusuf bin Hassan. Tidak seperti mana adik beradik yang lain, hanya Plaintiff yang tinggal dirumah tersebut sejak kecil hingga sekarang. Seperti yang disebut tadi, mendiami semata-mata tidak menunjukan ia memiliki rumah tersebut. Qarinah yang lebih jelas ialah penukaran hak milik tidak dibuat selepas kematian arwah Yusuf bin Hassan sedangkan jika rumah tersebut milik Plaintiff, tidak ada apa yang menghalang Plaintiff, sama ada rasa malu atau hormat kepada ibu Plaintiff, Arwah Rus bt Mat Noor. Penukaran hak milik atau menyuarakan hasrat untuk menukar hak milik secara terbuka kepada arwah ibu dan adik beradik yang lain adalah qarinah jelas

bahawa Plaintiff berkuasa terhadap rumah itu, tetapi hal ini tidak berlaku. Peluang kedua pada Plaintiff ialah sewaktu bicara kuasa kali kedua selepas arwah ibu meninggal, sekali lagi plaintiff tidak menunjukkan yang ia memiliki atau menguasai rumah tersebut dan bersetuju dibahagikan secara faraid. Plaintiff menguasai rumah tersebut sepenuhnya selepas bicara kuasa diputuskan di pejabat Tanah Gemas pada 20/9/2004, iaitu setelah Plaintiff diberi kuasa mentadbir. Kuasa mentadbir adalah kuasa yang diberi secara amanah, bukan menguasai secara mutlak. Selepas 10 tahun kematian pemberi hibah, penerimaan barulah dibuktikan oleh Plaintiff, itu pun di atas persetujuan ahli waris yang lain dan atas dasar amanah sebagai kuasa mentadbir.

- Maka di sini Mahkamah berpendapat bahawa tiada penguasaan (qabd) oleh Pemohon ke atas tanah tersebut. Pemohon telah gagal membuktikan bahawa adanya elemen qabd ke atas hartanah tersebut.
- Borang 14A itu juga tidak didaftarkan ke pejabat tanah untuk menjadikan pindahmilik tersebut suatu pindahmilik yang mutlak (*absolute transfer*) . Tiada alasan bapa Pemohon telah memegang dokumen dan menyimpan sehingga tidak didaftarkan di pejabat tanah. Jika benar pindahmilik itu hendak dilaksanakan oleh XXXXXX, sudah tentu bapa Pemohon akan terus membuat pendaftaran Borang 14A tersebut untuk memastikan ½ bahagian tanah tersebut diberikan kepada Pemohon dan niat XXXXXX kononnya ingin memberikan ½ bahagian tanah tersebut adalah tercapai.
- Responden pula menyatakan XXXXXX ada meminjam daripada Pemohon sebanyak RM5,000.00 dan sebagai cagaran. XXXXXX bersetuju menandatangani Borang 14A untuk menyerahkan ½ bahagian tanah tersebut kepada Pemohon. Jumlah RM5,000.00 tidak juga dinyatakan oleh Pemohon dalam Afidavit Jawapan Responden.
- Mahkamah mendapati semasa proses Soal Balas peguam Responden terhadap Pemohon, peguam Responden tidak sedikit pun bertanya Pemohon berkenaan wang RM5,000.00 tersebut kepada Pemohon dan pada masa yang sama Responden juga tidak menyatakan di dalam Afidavit Jawapannya berkenaan dengan jumlah RM5,000.00 tersebut. Adakah keterangan ini juga boleh diterima pakai? . Proses untuk meminjam wang sebanyak RM5,000.00 tersebut hanya dinyatakan secara lisan dan tiada dokumen

sokongan yang dapat membantu untuk meyakinkan Mahkamah bahawa adanya pengaturann berkenaan dengan hutang sebanyak RM5,000.00 telah dibuat.

-
- Berkenaan dengan fakta Pemohon ada mengusahakan tanah tersebut hanya dimaklumkan oleh Pemohon dalam keterangan utamanya. Saksi-saksi Pemohon yang lain tidak menyentuh langsung berkenaan dengan perkara tersebut.
- Namun berbeza dengan keterangan berkenaan peminjaman wang sebanyak RM5,000.00 oleh Responden. Keterangan tersebut disokong oleh keterangan saksi-saksi Responden iaitu SD1, SD2 dan SD3 yang mana secara konsisten menyatakan XXXXXX ada meminjam daripada Pemohon sebanyak RM5,000.00.
- Di dalam kes ini, beban pembuktian adalah terletak atas bahu Pemohon untuk membuktikan bahawa terdapatnya elemen penguasaan ke atas tanah tersebut kerana syarat tersebut adalah wajib untuk menentukan berlakunya hibbah antara Pemohon dan XXXXXX.
- Oleh yang demikian Pemohon bertanggungjawab memikul beban pembuktian. Perkara ini telah diperuntukkan di dalam **Seksyen 74 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002** di mana Seksyen tersebut memperuntukkan;

Beban membuktikan dalam sesuatu guaman atau prosiding terletak pada orang yang akan gagal jika tiada apa-apa keterangan langsung diberikan oleh mana-mana pihak.

- Beban pembuktian atau beban membuktikan merujuk kepada beban membuktikan kes dan beban mengemukakan keterangan. Perkara ini telah dijelaskan melalui satu kes tuntutan harta yang telah dibawa ke hadapan Rasullullah s.a.w. sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh `Alaqamah bin Wa-il bin Hujr daripada bapanya yang berkata,

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

sebagaimana telah dimuatkan di dalam Sunan At-Turmuzi, jilid 3, Matbaah al-Bab al-Halabi, cet. 1, 1937, halaman 625 seperti berikut:-

Yang bermaksud;

Seorang lelaki dari Hadramaut dan seorang lelaki dari Kindah telah datang menemui Rasulullah s.a.w lalu lelaki Hadramaut berkata “Wahai Rasul, sesungguhnya lelaki ini (lelaki dari Kindah ini) telah mengambil tanah kepunyaan saya,” Kemudian lelaki dari Kindah membalas dengan berkata, “Tanah itu adalah kepunyaan saya dan dia tidak berhak ke atas tanah itu.” Rasulullah S.a.w. bertanya kepada lelaki Hadramaut, “adakah kamu mempunyai bukti?, lelaki Hadramaut menjawab, “Tidak.” Rasulullah s.a.w bersabda kepada lelaki Kindah, “Kamu mesti bersumpah.” Mendengar sabda Rasulullah s.a.w itu lantas lelaki Hadramaut berkata, “Wahai Rasulullah, sesungguhnya lelaki dari Kindah ini buruk perangainya; dia tidak bertanggungjawab atas perkara yang disumpahkannya dan dia juga tidak menjaga dirinya dari sesuatu perkara,” lalu Rasulullah s.a.w. bersabda, “Kamu tiada pilihan lain melainkan melalui cara sedemikian.”

Mengenai beban membuktikan kes, **Seksyen 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002** ada memperuntukkan;

(1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan disisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.

(2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.

- Beban membuktikan di dalam seksyen tersebut merujuk kepada beban membuktikan fakta atau kes terletak ke atas pihak yang inginkan Mahkamah memberi penghakiman ke atas apa-apa hak atau liabiliti sepertimana mengikut fakta-fakta yang ditegaskan olehnya, dan di dalam tuntutan ini ialah plantif. Beban membuktikan fakta atau kes ini berkait pula dengan beban mengemukakan keterangan.
- Beban mengemukakan keterangan pula merujuk kepada tanggungjawab mengemukakan keterangan di dalam menyempurnakan beban membuktikan fakta atau kes. Beban mengemukakan keterangan berbeda dengan beban membuktikan kes, dan beban mengemukakan keterangan ini akan berubah di dalam sesuatu perbicaraan mengikut peringkat, keterangan dan perkembangan perbicaraan sewajarnya.
- Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes Mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-Mudda'ii) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-Mudda'a'alaih).
- Seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002 memberi pengertian "keterangan" termasuklah-

- (a) bayyinah dan syahadah;*
- (b) segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubungan dengan perkara-perkara fakta yang disiasat, pernyataan sedemikian disebut keterangan – sila rujuk m/s 267 November 2005 Journal hukum.*
- (c) Segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah, dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.*

- Mahkamah berpendapat di dalam kes tersebut, Plantif hendaklah membuktikan kewujudan fakta-fakta melalui keterangan dokumen, keterangan saksi-saksi yang menyokong keterangan yang diberi menunjukkan wujudnya penguasaan Pemohon ke atas tanah tersebut dan ada mendapat hasil daripada usaha untuk
- Ini menunjukkan juga bahawa adakah dakwaan plantif tersebut menjadi fasid atau tidak sempurna atau dakwaan tuntutan tersebut cacat atau adakah dakwaan plantif tersebut telah sempurna.
- Di dalam kitab Nizam al-Fial-Syariah al-Islamiah oleh Du Abdul Karim Zaidan cetakan ketiga tahun 1418/1997M, Beirut. Muka surat 93 hingga 95 ada menyatakan tentang dakwaan atau tuntutan dari sudut sahnyanya sesuatu dakwaan atau tuntutan itu dikategorikan kepada 4;
 1. Dakwaan tuntutan yang sah
 2. Dakwaan/tuntutan Fasid atau yang tidak sempurna atau dakwaan cacat.
 3. Dakwaan/tuntutan yang tidak sah atau batal
 4. Dakwaan Hisbah
- Di dalam kes ini, jika diharmonikan di antara hukum syarak dan Kanun Tanah Negara, sesuatu pemberian akan dikatakan mutlak apabila Borang 14A tersebut didaftarkan kepada Pemohon dan bukannya semata-mata menggunakan Borang 14A sebagai salah satu bukti untuk menyatakan bahawa XXXXXX berniat untuk memindahmilik tanah tersebut kepada Pemohon.
- Mahkamah berpendapat di sini bahawa sebagai Pemohon yang telah dietakkan beban untuk membuktikan cukupnya syarat-syarat hibbah menurut hukum syarak, Pemohon telah gagal membuktikan salah satu syarat yang telah dinyatakan di atas.
- Maka jelas tiada elemen qabd yang berlaku dalam kes ini.

ISU KETIGA

SAMA ADA WUJUDNYA QARINAH ATAU HAL KEADAAN MENGENAI PERLAKUAN HIBBAH.

- Di dalam kes ini versi cerita Pemohon bersama saksi-saksinya adalah berbeza dengan cerita yang dinyatakan oleh Responden dan saksi-saksinya.
- Pemohon dan SP3 iaitu suami Pemohon secara konsisten memberi keterangan bahawa ibu Pemohon tiba-tiba menyuruh Pemohon pulang ke Melaka untuk menandatangani Borang 14A.
- Responden pula memaklumkan ada berlaku proses penyerahan duit oleh Pemohon kepada XXXXXX pada bulan November 1983 dan pada Disember 1983 bapa Pemohon ada memaklumkan Responden bahawa Pemohon bersama XXXXXX dan beberapa orang yang lain pergi ke pejabat tanah untuk menandatangani borang pindahmilik tersebut.
- Fakta berkenaan proses untuk menandatangani Borang 14A tidak dipertikaikan. Tetapi apakah sebab sehingga XXXXXX pergi ke pejabat tanah untuk memindahmilik tanah tersebut tidak dinyatakan oleh Pemohon tetapi hanya disahkan oleh Responden dan saksi-saksinya. Pemohon hanya memaklumkan diarahkan oleh ibunya untuk pulang ke Melaka dengan tiba-tiba dan tidak tahu kenapa. Di dalam keterangan utamanya Pemohon ada mengatakan **ADA SEBAB** kenapa tanah tersebut dipindahmilik kepadanya. Namun tidak dinyatakan oleh Pemohon apakah sebabnya.
- Jawapan kepada persoalan ini boleh dikaitkan dengan versi cerita Responden dan saksi-saksinya. Di sebabkan ada pinjaman yang dibuat oleh XXXXXX dengan Pemohon menyebabkan XXXXXX mencagarkan tanah tersebut kepada Pemohon. Kenapa tiba-tiba XXXXXX ingin memindahmilik tanah tersebut kepada Responden. Mungkin tindakan ini mempunyai sebab musabab. Fakta XXXXXX ingin mengerjakan haji pada tahun 1984 juga tidak dipertikaikan.

- Mahkamah berpendapat, XXXXXX ingin mengerjakan haji dan XXXXXX ingin mencagarkan tanah tersebut kepada Pemohon.
- Adakah fakta tersebut boleh dijadikan qarinah bahawa Pemohon ada meminjamkan wang kepada XXXXXX dan sebagai balasan XXXXXX bersetuju untuk mencagarkan ½ bahagian tanah tersebut kepada Pemohon?
- Mahkamah berpendapat Itu jelas menunjukkan ada qarinah yang menunjukkan bahawa dokumen tersebut hanyalah sebagai suatu dokumen sekuriti untuk memastikan ibu Responden membayar hutang sebanyak RM5,000.00 tersebut.
- **Seksyen 6 Enakmen Keterangan (Negeri Melaka) 2002** ada menjelaskan bahawa jika terdapat fakta yang timbul dan kemudian ada nya transaksi yang sama dengan fakta yang timbul tersebut, maka ia boleh dikira sebagai qarinah.

“fakta-fakta yang walaupun tidak menjadi persoalan, sebegitu berkaitan dengan suatu fakta persoalan sehingga menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama ialah qarinah”

- Mahkamah merujuk kepada **Seksyen 82 Enakmen Keterangan (Negeri Melaka) 2002** yang menyatakan seperti berikut:-

“ Mahkamah boleh menganggap kewujudan apa-apa fakta yang difikirkan mungkin telah berlaku , setelah mengambil perhatian akan perjalanan biasa kejadian semula jadi, kelakuan manusia dan urusan awam dan persendirian, dalam hubungannya dengan fakta kes yang tertentu.

- Mahkamah juga ingin merujuk kepada **Seksyen 4 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002** yang memperuntukkan bahawa:

(1) Bila peruntukan oleh Enakmen ini bahawa Mahkamah boleh menganggap sesuatu fakta sebagai wujud,Mahkamah boleh sama ada menyifatkan fakta itu sebagai terbukti melainkan jika dan sehingga terbukti sebaliknya atau boleh meminta buktinya,

(2) Bilamana diperuntukkan oleh Enakmen ini bahawa Mahkamah hendaklah menganggap apa-apa fakta sebagai wujud, Mahkamah hendaklah menyifatkan fakta itu sebagai terbukti jika dan sehingga terbukti sebaliknya.

- Seksyen tersebut menjelaskan bahawa jika terdapat keterangan lain yang timbul , Mahkamah boleh menganggap kewujudan sesuatu fakta.
- Kewujudan fakta XXXXXX yang kononnya ingin memberikan ½ bahagian tanah tersebut kepada Pemohon ada kaitannya dengan keterangan Responden serta saksi-saksinya bahawa niat XXXXXX hanyalah ingin mencagarkan tanah tersebut kerana XXXXXX telah berhutang dengan Pemohon.
- Berbezanya keterangan Pemohon dan Responden adalah keterangan Pemohon berdasarkan dokumen bukti yang kukuh namun tidak cukup elemen qabd menurut hukum syarak. Manakala keterangan Responden berdasarkan lisan dan tiada bukti dokumentari yang boleh dirujuk yang boleh membuktikan adanya percaturan antara XXXXXX dan Responden atas hutang sebanyak RM5,000.00 tersebut.
- Namun beban pembuktian adalah terletak ke atas bahu Pemohon. Mahkamah berpendapat bahawa elemen qabd telah gagal dibuktikan oleh Pemohon.
- Malahan pula di dalam kes ini tanah tersebut telah dipindahmilik secara mutlak kepada Responden melalui bicara kuasa setelah kematian XXXXXX tanah tersebut sekarang telah menjadi milik Responden . Adakah menjadi penghalang kepada Pemohon untuk menuntut daripada Responden bahawa ada haknya ke atas tanah tersebut. Adakah Pemohon masih berhak menuntut.
- Peguam Responden berhujah dengan merujuk kepada **Seksyen 340 Kanun Tanah Negara** yang mana menjelaskan bahawa jika sesuatu tanah telah didaftarkan dan menjadi milik seseorang maka pemilikan ke atas tanah tersebut adalah suatu ketidakbolehsangkalan (*indefeasible*). Ini bermaksud pemilikan tersebut tidak boleh dipertikaikan.
- Namun terdapat pengecualian di dalam Seksyen tersebut yang mana antara lain menyatakan bahawa jika tanah tersebut diperolehi secara penipuan, salahnyata, didapati

secara pemalsuan atau instrumen yang salah, atau pemilikan itu diperolehi secara tidak sah.

- Di dalam kes ini, Responden memperolehi pemilikan melalui cara bicara kuasa. Tidak wujud *mala fide* atau niat jahat di dalam kes ini kerana Responden merupakan waris yang sah kepada XXXXXX.
- Pemohon tidak mempertikaikan tentang proses bicara kuasa tersebut dan juga semasa proses bicara kuasa dibuat, tanah tersebut masih didaftarkan ke atas nama XXXXXX sebanyak 1/1 bahagian.
- Maka di dalam kes ini Mahkamah berpendapat ketidakboleh sangkalan hakmilik menunjukkan Responden memiliki tanah tersebut secara sah.
- Di atas keterangan-keterangan yang diberikan serta hujahan peguam syarie Pemohon dan Responden yang bijaksana, maka saya berpuas hati bahawa tuntutan pemohon untuk mengsabitkan Hibbah adalah tidak memenuhi kehendak salah satu syarat sah penerimaan Qabd
- Setelah membaca, mendengar dan meneliti hujjah kedua belah pihak serta meneliti dokumen-dokumen maka saya dengan ini membuat keputusan seperti berikut:-

PERINTAH

1. Permohonan Pemohon untuk mengsabitkan dan mengisytiharkan hibbah ke atas sebidang tanah yang dikenali sebagai GMM 811 189, 11 Mukim Pegoh, Daerah Alor Gajah, Melaka adalah ditolak;
2. Mahkamah perintahkan Responden hendaklah membayar wang sebanyak RM5,000.00 kepada Pemohon;
3. Tanah ini menjadi hakmilik mutlak Responden;

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

4. Perintah ini berkuatkuasa serta merta.

T.T YAA Ketua Hakim Syarie

28.12.2011

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**